

PROGRAM AMAL KEBAJIKAN DI RUMAH KANAK-KANAK BERINGGIS, PAPAR

Selepas kejayaan program kemasyarakatan di Kg Tambisan Laut, Lahad Datu tahun lepas, Kelab Pengurusan Kewangan dan Perbankan sekali lagi telah menganjurkan aktiviti amal kebajikan, kali ini bertempat di Rumah Kanak-Kanak Beringgis, Papar. Program ini telah berlangsung pada 9 April 2011 dan dihadiri oleh ahli-ahli kelab, serta para pensyarah program Menurut pengarah program, Saudara Mohd Faisal Juy, objektif utama program ini adalah untuk menghulurkan sumbangan bantuan kepada masyarakat/generasi yang memerlukan, disamping mengeratkan tali perhubungan antara mahasiswa serta masyarakat setempat. Program ini juga banyak memberi manfaat kepada pelajar terutamanya tentang menghargai harga sesebuah kehidupan serta sentiasa bersyukur terhadap apa yang diperolehi selama ini Bagi menjayakan program ini, kutipan derma berbentuk wang tunai serta barangan terpakai seperti buku-buku lama, pakaian dan sebagainya telah dijalankan sekitar SPE dan Kolej kediaman. Hasil daripada kutipan derma ini amatlah memberansangkan dan telah diserahkan kepada Wakil rumah kanak-kanak



terebut dalam bentuk peralatan dan barangan keperluan harian. Pihak program ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan SPE serta mereka yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan aktiviti ini